

# KESAN KEFAHAMAN KONSEP TAKDIR TERHADAP PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Oleh:

Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman\*

Che Zarrina Sa'ari<sup>+</sup>

## ABSTRAK

*Keimanan terhadap qada' dan qadar yang merupakan Rukun Islam keenam amat penting dibincangkan dalam usaha untuk melihat hubungan antara kefahaman seseorang individu tentang konsep takdir dengan pembangunan dirinya sebagai modal insan. Tahap keimanan dan kefahaman terhadap qada' dan qadar sama ada disadari mahupun tidak akan mempengaruhi cara berfikir dan bertingkah laku seseorang Muslim, justeru ia akan memberi kesan kepada projek pembangunan modal insan yang diperjuangkan oleh negara Malaysia. Artikel ini akan membincangkan persoalan takdir menurut Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dan hubungan antara kefahaman terhadap takdir dengan pembentukan pemikiran dan tingkah laku seseorang pekerja Muslim dalam usaha membentuk pembangunan modal insan yang selaras dengan kehendak Islam dan negara.*

## ABSTRACT

*Discussion on the belief of al-Qadā' and al-Qadr as the sixth Articles of Faith is very important in order to analyses relationship between one's understanding on the concept of taqdīr and oneself development as human capital. It seems that the level of belief and comprehension on al-Qadā' and*

---

\* Syed Muhammad Hilmi Syed Abdul Rahman, M.Us., adalah pensyarah di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

+ Che Zarrina Sa'ari, PhD, adalah Profesor Madya di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

*al-Qadr concept will consequently influence the way of Muslim's thinking and acts, thus it will effect the project of human capital development managed by the state of Malaysia. The article will discuss issues on taqdir from Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah perspective and relationship between one's understanding on taqdir with Muslim worker's thought and deeds in order to establish human capital development based on Islamic teaching and nation.*

**Keywords:** *al-Qada', al-Qadr, human capital.*

## PENDAHULUAN

Pembangunan modal insan ataupun sebelumnya dikenali sebagai pembangunan sumber manusia merupakan antara perkara yang diberi penekanan oleh kerajaan dalam Rancangan Malaysia kesembilan (RMK9).<sup>1</sup> Penekanan yang diberikan adalah amat wajar memandangkan pembangunan modal insan amat penting dalam menjana kejayaan sesebuah organisasi, apatah lagi apabila ia dikaitkan dengan negara kerana modal insanlah yang akan menentukan kejayaan atau kegagalan pencapaian sesuatu wawasan negara. Sekiranya modal insannya tidak berkualiti, maka sesebuah negara akan lemah kerana ahlinya (sumber tenaga manusia) itu tidak mampu berperanan sewajarnya sebagaimana yang dikehendaki oleh negara. Dalam hal ini, diri manusia sendirilah yang amat penting untuk dibangunkan supaya mereka dapat menjadi aset kepada negara sebagai modal insan berkualiti. Banyak perkara yang boleh dibincangkan dalam usaha menjana kecemerlangan modal insan ini. Namun artikel ini hanya akan menumpukan perbincangan kepada persoalan takdir dan hubungannya dengan penjanaan modal insan berkualiti.

Qada' dan qadar merupakan Rukun Iman keenam yang wajib diimani oleh setiap Muslim yang mukallaf. Kefahaman terhadap pengertian beriman dengan qada' dan qadar akan membawa setiap Muslim wajib mempercayai bahawa Allah Taala telah mengadakan hukum sebab akibat kepada sesuatu benda yang lahirkan qada' Allah terhadapnya. Oleh yang demikian, tahap keimanan terhadap qada' dan qadar beserta tahap kefahamannya sama ada disadari mahupun tidak, akan mempengaruhi cara berfikir dan bertingkahtlaku seseorang Muslim. Malahan secara langsung ia akan memberi kesan kepada projek pembangunan modal insan yang diperjuangkan oleh negara Malaysia. Justeru, perbincangan mengenai hubungan antara kefahaman terhadap persoalan takdir dengan

---

<sup>1</sup> Muhammad Hisyam bin Mohamad, "Islam Hadhari Bentuk Modal Insan Berkualiti", *Berita Harian*, Perspektif IKIM, 16 Mac 2005.

pembangunan modal insan adalah perlu supaya apa yang ingin dicapai oleh negara ini adalah selaras dengan kehendak agama Islam. Untuk tujuan tersebut, artikel ini akan membincangkan pengertian beriman kepada qada' dan qadar, permasalahan sekitar qada' dan qadar dan kesan beriman terhadap qada' dan qadar kepada modal insan serta kesimpulan.

## **PEMBANGUNAN MODAL INSAN DARI ASPEK KEROHANIAN**

Pembangunan modal insan (*human capital*) atau dengan kata lain, pembangunan sumber manusia adalah antara agenda yang diberi penekanan oleh pihak kerajaan Malaysia dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9). Penekanan terhadap pembangunan modal insan ini dibuat kerana ia berperanan besar dalam menentukan kejayaan sesebuah negara. Istilah modal insan yang dalam Bahasa Inggerisnya ialah *human capital* telah pertama kali dibincangkan oleh Pigou.<sup>2</sup> Kemudiannya istilah ini telah digunakan dalam kesusasteraan ekonomi moden neoklasik yang dipelopori oleh Jacob Mincer.<sup>3</sup> Seterusnya idea tentang modal insan terus diperbincangkan oleh seorang lagi pakar ekonomi iaitu Gary Becker<sup>4</sup> sebagaimana yang terdapat dalam karyanya, *Human Capital* yang diterbitkan pada tahun 1964. Becker menerangkan bahawa modal insan adalah sama dengan “*physical means of production*” seperti kilang-kilang dan mesin-mesin, seseorang boleh melabur dalam modal insan melalui pembelajaran (*education*), latihan (*training*) dan rawatan perubatan (*medical treatment*) dan pendapatan (*income*) seseorang adalah sebahagiannya bergantung kepada kadar pulangan modal insan yang dimilikinya.<sup>5</sup>

Terdapat pelbagai definisi yang diberikan kepada modal insan. Namun secara umumnya ia dapat difahami sebagai: “Satu set kemahiran (*skills*) yang diperlukan oleh para pekerja dalam melaksanakan perkerjaan yang boleh diperolehi melalui latihan dan pengalaman, yang mana ia akan meningkatkan nilai-nilai (*values*) pekerja tersebut dalam pasaran”.<sup>6</sup> Secara umumnya, pendefinisian yang dibuat terhadap modal insan oleh

---

<sup>2</sup> Pigou, Arthur Cecil (1949), *A Study in Public Finance*, London: Macmillan, h. 29.

<sup>3</sup> Mincer, Jacob (1958), “Investment in Human Capital and Personal Income Distribution” dalam *The Journal of Political Economy*.

<sup>4</sup> “Jacob Mincer, 1922-“, <http://cepa.newschool.edu/het/profiles/mincer.htm>, 21 Julai 2006.

<sup>5</sup> “Human Capital-Wikipedia, the Free Encyclopedia”, <http://en.wikipedia.org/wiki/Human%5Fcapital>, 21 Julai 2006.

<sup>6</sup> “Investorword.com.2005.”, [http://www.investorwords.com/2359/human capital.html](http://www.investorwords.com/2359/human%20capital.html), 3 Julai 2006.

pakar ekonomi Barat hanya memberi penekanan terhadap kemahiran dan nilai-nilai kemanusiaan yang berbentuk fizikal semata-mata. Sedangkan manusia dalam kacamata Islam turut menitik beratkan nilai-nilai spiritual supaya wujud keseimbangan di antara kedua-dua unsur tersebut.

Ketika negara Malaysia menyambut ulang tahun hari kemerdekaan pada 31 Ogos 2005 yang lalu, Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah menyuarakan hasratnya supaya pembangunan modal insan dapat diseimbangkan dengan pembangunan spiritual untuk mewujudkan kemantapan rohani setiap individu rakyat negara ini khususnya daripada aspek pengamalan dan pengekalan budi bahasa yang bermutu tinggi dalam usahanya untuk bersaing dengan negara-negara maju dan membangun.<sup>7</sup>

Pembangunan insan sebegini telah dibincangkan oleh Prof. Dr Wan Mohd. Nor Wan Daud yang antara lainnya menerangkan: “Pembangunan sebenar ialah peningkatan kesedaran insan akan tanggungjawabnya terhadap pelbagai hakikat dan perkara mengikut urutan keutamaan yang sah, dan amal perbuatan yang ikhlas, berhikmah, berani, sederhana dan adil”.<sup>8</sup> Intipati daripada proses tersebut telah digambarkan dalam al-Qur’an al-Karim yang bermaksud:<sup>9</sup>

*Dan bila dikatakan kepada mereka: Janganlah kamu membuat kerosakan di muka bumi, mereka menjawab: “Sesungguhnya kami adalah orang-orang yang mengadakan kebaikan”. Ingatlah, sesungguhnya mereka itulah orang-orang yang membuat kerosakan.*

Idea Prof. Dr Wan Mohd Nor Wan Daud tersebut menunjukkan bahawa manusia tidak hanya perlu mementingkan pembangunan material yang berbentuk penambahbaikan dari aspek ekonomi, sosial, budaya, politik dan sebagainya, tetapi mereka mesti menunjukkan penambahbaikan dari sudut kerohanian yang akan melahirkan sifat-sifat dan budi pekerti yang mulia dan unggul selaras dengan kehendak agama Islam.

---

<sup>7</sup> “(30 Ogos 2005), Abdullah Mahu Pembangunan Modal Seimbang Dengan Kemantapan Rohaniah”, <http://www.pmo.gov.my/website/webdb.nsf/915b>, 10 Julai 2006.

<sup>8</sup> Wan Mohd Nor Wan Daud (2005), *Pembangunan di Malaysia*, Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 19.

<sup>9</sup> Surah al-Baqarah 2:11-12.

## MODAL INSAN DAN PENGERTIAN BERIMAN KEPADA QADA' DAN QADAR

Perkataan *al-qaḍā'* (الْقَضَاء) tidak digunakan dalam al-Qur'an. Walau bagaimanapun terdapat ayat-ayat yang mengandungi perkataan berasal daripada kata dasar *al-qaḍā'*. Dikumpulkan di sini beberapa ayat tersebut.

Firman Allah S.W.T.:

- i. وقضى ربك ألا تعبدوا إلا إياه وبالوالدين إحساناً<sup>10</sup>
- ii. وما كان لمؤمن ولا مؤمنة إذا قضى الله ورسوله أمراً أن يكون لهم الخيرة من أمرهم<sup>11</sup>
- iii. فقضاهن سبع سماوات في يومين وأوحى في كل سماء أمرها<sup>12</sup>
- iv. قضى الأمر الذي فيه تستفتيان<sup>13</sup>
- v. إذا قضى أمراً فإنما يقول له كن فيكون<sup>14</sup>
- vi. وما كنت بجانب الغربي إذ قضينا إلى موسى الأمر وما كنت من الشاهدين<sup>15</sup>

Pada pandangan para mufasssirin, pengertian qada' pada perkataan-perkataan di atas adalah berbeza. Menurut al-Ṭabarī (m. 310H.), perkataan *al-Qaḍā'* dalam ayat pertama bererti "*al-Amr*"<sup>16</sup> iaitu perintah. Manakala ayat kedua pula menurut *Tafsīr al-Marāghī* dan *Ṣafwah al-Taḥāsir*, perkataan *al-Qaḍā'* bererti "*al-Hukm*"<sup>17</sup> iaitu hukuman atau kata putus. *Al-Qaḍā'* dalam ayat ketiga, menurut al-Ṭabarī, bererti "*al-Khalq*"<sup>18</sup> iaitu penciptaan. al-Qurṭubī (m. 671H) menyatakan *al-Qaḍā'* pada ayat keempat pula bererti "*al-Faragh*"

<sup>10</sup> Surah al-Isrā' 17:23.

<sup>11</sup> Surah al-Ahzāb 33:36.

<sup>12</sup> Surah Fuṣṣilāt 41:12.

<sup>13</sup> Surah Yūsuf 12:41.

<sup>14</sup> Surah Āli `Imrān 3:47.

<sup>15</sup> Surah al-Qaṣaṣ 28:44.

<sup>16</sup> Sila lihat, al-Ṭabarī, Abū Ja'far Muḥammad bin Jarīr (1995), *Jāmi' al-Bayān `an Ta'wīl Ay al-Qur'ān*, Jil. 8, Juzuk 25, (Taḥdīm) Khil al-Mis, Beirut: Dār al-Fikr, h. 57-58. Lihat juga, al-Marāghī, Aḥmad Muṣṭafā (1998), *Tafsīr al-Marāghī*, Jil. 5, (Takhrij) al-Sūd, Baṣil `Uyūn, Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, h. 301. Lihat juga, al-Ṣābūnī, Muḥammad `Alī (1986), *Ṣafwah al-Taḥāsir*, Jil. 2, Beirut: `Ālam al-Kutub, h. 248.

<sup>17</sup> Al-Marāghī (1998), *op.cit.*, Jil. 8, h. 305. Lihat juga, al-Ṣābūnī (1986), *op.cit.*, h. 150.

<sup>18</sup> Al-Ṭabarī (1995), *op.cit.*, Jil. 5, h. 92.

iaitu selesai. Seterusnya *al-Qaḍā'* pada ayat kelima bererti "*al-Irādah*"<sup>19</sup> iaitu kehendak .

Apabila diperhatikan pengertian *al-Qaḍā'* di atas, kesemuanya berkait rapat dengan 'penentuan sesuatu perkara dan penyempurnaannya'.<sup>20</sup> Dengan kata lain, kesemua pengertian itu berada di peringkat terakhir atau di tahap pelaksanaan.

Perkataan *al-Qaḍā'* menurut kamus bahasa pula bererti keputusan atau hukum, memutuskan hukuman (terhadap dua orang yang berkelahi), pemberian kata putus, penciptaan, penyempurnaan (hajat), penyempurnaan hutang (pembayaran hutang) dan kematian (*Qaḍā Nahbah*).<sup>21</sup> Pengertian di atas menunjukkan bahawa sesuatu perkara itu berada di penghujung atau di peringkat pelaksanaan. Kematian seseorang contohnya, telah berada di peringkat terakhir kehidupan. Jadi, qada' ialah praktikal bagi teori, penguatkuasaan bagi undang-undang, tindakan dan pelaksanaan bagi strategi.

Manakala tentang qadar pula, terdapat banyak ayat yang mengandungi perkataan atau perkataan lain yang terbit daripada kata dasar ini. Dalam mengupas pengertian qadar, dikemukakan beberapa ayat berpandukan tafsiran yang dibuat di dalam *Tafsīr al-Qāsimī*, *Tafsīr al-Marāghī* dan *Ṣafwah al-Tafsīr* serta pengertian daripada kamus-kamus bahasa. Firman Allah S.W.T.:

أَنْ أَعْمَلَ سَابِغَاتٍ وَقَدَرَ فِي السَّرْدِ<sup>22</sup>

فَأُجِينَاهُ وَأَهْلَهُ إِلَّا امْرَأَتَهُ قَدَرْنَاهَا مِنَ الْغَابِرِينَ<sup>23</sup>

<sup>19</sup> Al-Qurṭubī, Muḥammad bin Aḥmad bin Abī Bakr (1372H.), *al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'ān*, Jil. 10, (Taḥqīq) al-Barduni, Aḥmad 'Abd al-'Ālim, Kaheerah: Dār al-Sha'b, h. 237. *Ibid.*, Jil. 4, h. 60. Lihat juga, Al-Marāghī (1998), *op.cit.*, Jil. 4, h. 410. *Ibid.*, Jil. 1, h. 502. Lihat juga, al-Ṣābūnī (1986), *op.cit.*, Jil. 2, h. 81.

<sup>20</sup> Al-Khāṭib, 'Abd al-Karīm (1979), *al-Qaḍā' wa al-Qadar bayn al-Falsafah wa al-Dīn al-Jabr wa al-Ikhtiyār al-Asbāb wa al-Musabbabāt al-Khayr wa al-Sharr*, t.t.p: Dār al-Fikr al-'Arabī, h. 175.

<sup>21</sup> Ibn Manẓūr, Abū al-Faḍl Jamāl al-Dīn Muḥammad bin Mukram (1990), *Lisān al-'Arab*, Jil. 15, Beirut: Dār Ṣādir, h. 186-189. Lihat juga, al-Rāzī, Muḥammad bin Abī Bakr 'Abd al-Qādir (1990), *Mukhtār al-Ṣiḥah*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h 227-228. Lihat juga *al-Mujam al-Wasīṭ* (t.t.), Jil. 2, Kaheerah: Muḥamma' al-Lughah al-'Arabīyyah, h 771 . Lihat juga, al-Bustānī, Butrus (1995), *Qatr al-Muḥīt Qāmūs Lughawī Muyassar*, Lubnan: Maktabah Lubnān, h 485. Lihat juga *al-Munjid fī al-Lughah wa al-'Alām* (1994), Beirut: Dār al-Mashriq, h 636.

<sup>22</sup> Surah Sabā' 34:11.

<sup>23</sup> Surah al-Mu'minūn 24:18.

وَأَنْزَلْنَا مِنَ السَّمَاءِ مَاءً بِقَدَرٍ فَأَسْكَنَاهُ فِي الْأَرْضِ<sup>24</sup>

وَالَّذِي قَدَرَ فَهَدَى<sup>25</sup>

مَنْ نَظَفَهُ خَلَقَهُ فَقَدَرَهُ<sup>26</sup>

Ayat pertama membawa erti *al-qadar* sebagai “sekadar”,<sup>27</sup> manakala *al-qadar* dalam ayat kedua pula bererti “takdir”.<sup>28</sup> *Al-qadar* dalam ayat ketiga pula bermaksud “sukatan yang tertentu”<sup>29</sup> dan *al-qadar* dalam ayat keempat pula bererti “mengatur”<sup>30</sup> serta ianya bermakna “ditentukan”<sup>31</sup> dalam ayat kelima. Apabila diteliti kesemua erti *al-Qadar* ini, ia memberikan erti kadar (ukuran), takdir, sukatan, peraturan, penentuan dan ketentuan. Manakala kamus-kamus bahasa pula memaparkan pengertian *al-Qadar* sebagai kadar atau ukuran (sesuatu)<sup>32</sup>, memikir dan merancang (sesuatu urusan atau pekerjaan),<sup>33</sup> kias atau perbandingan (di antara suatu benda dengan yang lain),<sup>34</sup> menyediakan dan menentukan waktu (bagi sesuatu).<sup>35</sup> Selain itu, perkataan *al-qadar* tersebut didapati sama dengan perkataan ‘kadar’ dalam Bahasa Melayu di mana ia telah diertikan sebagai “perkiraan yang memberikan (menyatakan) sesuatu kuantiti, seperti kadar kelajuan dan kadar kematian - jumlah atau banyaknya bayaran yang dikenakan, seperti cukai pendapatan - perbezaan (berat, darjah, kuantiti, saiz) - harga, nilai, pangkat, taraf, darjat - lebih kurang, kira-kira”.<sup>36</sup> Daripada pengertian di atas, dapat disimpulkan bahawa qadar ialah suatu proses permulaan bagi setiap makhluk sebelum penciptaannya. Qadar bermaksud ketentuan atau

<sup>24</sup> Surah al-A`lā 87:3.

<sup>25</sup> Surah `Abasa 80:19.

<sup>26</sup> Al-Şābūnī (1986), *op.cit.*, Jil. 2, h. 866. Lihat juga, al-Qāsimī, Muḥammad Jamāl al-Dīn (1994), *Tafsīr al-Qāsimī al-Musammā Maḥāsīn al-Ta`wīl*, Jil. 6, (Taḥqīq) `Abd al-Bāqī, Muḥammad Fu`ād, Beirut: Dār Iḥyā` al-Turāth al-`Arabī, h. 10.

<sup>27</sup> Lihat juga, al-Şābūnī (1986), *op.cit.*, h. 179.

<sup>28</sup> Lihat juga, al-Şābūnī (1986), *op.cit.*, h. 179.

<sup>29</sup> Al-Marāghī (1998), *op.cit.*, Jil. 6, h. 275. Lihat juga, al-Şābūnī (1986), *op.cit.*, h. 483. Lihat juga, al-Qāsimī (1994), *op.cit.*, Jil. 5, h. 229.

<sup>30</sup> Al-Marāghī (1998), *op.cit.*, Jil. 10, h. 396. Lihat juga, al-Ṭabarī (1995), *op.cit.*, Jil. 12, h. 534. Lihat juga al-Qāsimī (1994), *op.cit.*, Jil. 3, h. 306.

<sup>31</sup> Al-Şābūnī (1986), *op.cit.*, Jil. 3, h. 816. Lihat juga al-Qāsimī (1994), *op.cit.*, Jil. 7, h. 261. Lihat juga, al-Marāghī (1998), *op.cit.*, h. 332.

<sup>32</sup> Ibn Manẓūr (1990), *op.cit.*, Jil. 5, h. 76- 78. Lihat juga, al-Rāzī (1990), *op.cit.*, h. 221. Lihat juga, al-Bustānī (1995), *op.cit.*, h. 458. Lihat juga, Mas`ūd, Jubran (1992), *al-Rā`id*, Beirut: Dār al-`Ilm li al-Malāyīn, h. 623.

<sup>33</sup> Ibn Manẓūr (1990), *op.cit.*. Lihat juga, al-Bustānī (1995), *op.cit.*.

<sup>34</sup> Ibn Manẓūr (1990), *op.cit.*. Lihat juga, Mas`ūd (1992), *op.cit.*, h. 623.

<sup>35</sup> Mas`ūd (1992), *op.cit.*, h. 623.

<sup>36</sup> Hajjah Noresah binti Baharom *et al.* (1998), *Kamus Dewan (Edisi Tiga)*, Selangor: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 556.



sukatan azali bagi setiap makhluk yang tertulis di Luh Mahfuz. Sukatan tersebut meliputi seluruh aspek mengenai makhluk seperti bentuk, saiz, kuantiti, kualiti, masa, persamaan, perbezaan, hukum sebab dan kesan serta segala yang berkaitan dengannya.

Pengertian ini menjelaskan bahawa qadar mendahului qada'. Skop qadar juga lebih luas daripada qada' kerana qadar adalah sistem peraturan yang telah ditetapkan kepada sekalian makhluk sejak azali. Qada' pula merupakan pelaksanaan bagi setiap peraturan yang ditetapkan mengikut masa tertentu. Perbezaan tersebut dapat dilihat, contohnya, "bagi seorang arkitek, pengertian qadar dibandingkan dengan pelan yang disediakan bagi membina sebuah bangunan". Manakala pengertian qada' pula dibandingkan dengan "kerja pembinaan yang dilakukan kontraktor mengikut perancangan tersebut".<sup>37</sup>

Perbincangan di atas memaparkan definisi qada' dan qadar; dan sebagai Rukun Iman, setiap individu Muslim wajib beriman kepada qada' dan qadar tersebut. Beriman kepada qada' dan qadar ini bererti seseorang Muslim wajib mengimani bahawa segala perkara yang berlaku di alam; perbuatan manusia dan lainnya adalah dengan takdir Allah S.W.T.. Semuanya ditakdirkan sejak azali. Ia berlaku dengan *khalq*, *irādah* dan *mashī'ah* Allah. Walaupun begitu, manusia mempunyai ikhtiar untuk melakukan perbuatan.<sup>38</sup> Seseorang Muslim juga wajib beriman kepada ilmu Allah S.W.T. yang bersifat menyeluruh, beriman bahawa takdir segala maujudat tertulis di Luh Mahfuz; beriman bahawa Allah S.W.T., Pencipta segala *mawjūdāt*; beriman kepada *mashī'ah* Allah S.W.T. yang pasti terhasil dan tidak dapat dihalang oleh sesiapa; menyakini bahawa Allah S.W.T. Maha Adil dan tidak menzalimi hamba; dan menyakini segala perbuatan Allah mempunyai kebaikan serta Allah S.W.T. tidak melakukan sesuatu dengan sia-sia.<sup>39</sup>

Oleh yang demikian, sebagai Muslim, modal insan yang ingin dibangunkan mestilah mempunyai kepercayaan dan keyakinan sebegini terhadap qada' dan qadar tersebut supaya ia selaras dengan kehendak ajaran Islam yang mulia. Kepercayaan dan keyakinan bahawa semua perkara yang berlaku di dalam alam ini adalah dengan takdir Allah S.W.T. sejak azali lagi dan hamba makhluk tidak akan mampu untuk menghalang *mashī'ah* Allah tersebut mesti ditanamkan ke dalam diri insan. Namun,

<sup>37</sup> Al-Ṭanṭawī, `Alī (1974), *Ta`rīf `Am bi Dīn al-Islām al-Jūz' al-Awwal fī al-`Aqīdah*, Beirut: Mu`assasah al-Risālah, h. 152.

<sup>38</sup> Al-Qānujī, al-Sayyid Muḥammad Ṣiddīq Ḥasan (1995), *al-Dīn al-Khiṣ*, (Taḥqīq) Hāshim, Muḥammad Sālim, Juz. 3, Beirut: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah, 1995, h. 106.

<sup>39</sup> Yasīn, Muḥammad Na`īm (1995), *al-Imān Arkānuh Ḥaqīqatuh*, *Nawāqīduh*, t.c., Oman: Dār al-Furqān, h. 116.



kepercayaan dan keyakinan bahawa Allah sebagai Pencipta adalah Maha Adil dan tidak akan menzalimi makhlukNya juga mesti ditanamkan. Di samping itu, kepercayaan dan keyakinan bahawa walaupun takdir azali adalah ditentukan Allah S.W.T., namun manusia mempunyai ikhtiar untuk melakukan sesuatu perbuatan juga amat perlu ditanam ke dalam diri modal insan ini. Kesemua bentuk kepercayaan dan keyakinan ini amat penting kepada modal insan kerana ianya mampu membantu penjaan pembangunan modal insan yang diharapkan masyarakat dan kerajaan. Walaubagaimanapun, terdapat beberapa permasalahan yang sering berlegar dalam pemikiran dan kefahaman diri manusia berkenaan qada' dan qadar yang sekiranya tidak ditangani dengan baik akan membawa kerugian besar dalam membangunkan modal insan yang dikehendaki oleh negara. Permasalahan ini akan dibincangkan dalam tajuk-tajuk seterusnya.

## PERMASALAHAN SEKITAR QADA' DAN QADAR

### 1. *Takdir Tidak Menolak Usaha dan Ikhtiar*

Salah faham terhadap takdir menjadikan seseorang tidak ingin berusaha. Baginya, sama ada berusaha atau tidak, ketetapan pasti akan berlaku. Ibn al-Jawzī menjelaskan pandangan ini amat berbahaya. Ia bererti memprotes syariat yang diturunkan di samping turut mempermainkan hukum yang terkandung di dalam kitab dan menjadikan para rasul dan dakwah yang dibawa mereka sabagai sia-sia.<sup>40</sup> Mereka yang berfahaman begini tidak akan melakukan ibadat. Andai disuruh mendirikan solat, mereka berkata: “Apa perlunya solat? Kalau telah ditakdirkan saya memasuki syurga pasti saya akan memasukinya. Solat tidak akan dapat menolong saya sekiranya saya ditakdirkan memasuki neraka.” Andainya begitu hujah mereka, menurut Ibn Taymiyyah, semua orang boleh menggunakan hujah tersebut sebagai protes untuk melarikan diri daripada kewajipan. Firaun boleh menyanggah ajakan Nabi Mūsā a.s. ketika dikatakan kepadanya,<sup>41</sup> Surah al-Nāzi'āt, ayat 18-19 yang bermaksud:<sup>42</sup>

*Adakah engkau suka hendak mensucikan dirimu (dari kekufuran)?  
'Dan mahukah, aku tunjuk kepadamu jalan mengenal Tuhanmu,  
supaya engkau merasa takut (melanggar perintahNya)?*

<sup>40</sup> Ibn al-Jawzī, Abū al-Faraj Jamāl al-Dīn `Abd al-Raḥmān (1985), *Talbīs Iblīs*, (Taḥqīq) al-Sayyid al-Jumaylī, Beirut: Dār al-Kitāb al-`Arabi, 1985, h. 440.

<sup>41</sup> Ibn Taymiyyah (t.t.), *Majmu' Fatāwā*, Jil. 8, (Taḥqīq) `Abd al-Raḥman bin Muḥammad, t.t.p:t.p., h. 108.

<sup>42</sup> Surah al-Nāzi'āt 79:18-19.

Secara tidak langsung Allah S.W.T. juga akan diprotes mengenai pengutusan para rasul dan penurunan kitab. Alasan ini tidak berasas dan tidak benar kerana ia menyebabkan persamaan di antara iman dan kufur, dosa dan pahala, syurga dan neraka dan persamaan di antara seluruh agama atau kepercayaan yang dianuti. Begitu juga dalam persoalan mempertingkatkan usaha bagi menambah rezeki kehidupan, ataupun melakukan pekerjaan dengan lebih berkualiti untuk tujuan kenaikan pangkat ataupun berusaha mengubah nasib keluarga untuk keluar dari kemiskinan dan sebagainya. Salah faham ini akan membantutkan segala proses yang sepatutnya dilakukan oleh seorang modal insan Muslim untuk memperjuangkan kehidupan dalam ke arah melaksanakan pekerjaan yang lebih baik dan berkualiti bagi mempertingkatkan tahap kualiti dan kuantiti pengeluaran.

Islam mengajar bahawa segala yang ditakdirkan berlaku melalui proses sebab dan kesan. Sebagai contoh, tabiat biji benih ialah tumbuh apabila bertemu dengan tanah lembab. Tanah lembab tadi dikatakan sebagai sebab dan tumbuh itu pula adalah akibatnya. Biji benih tadi, andainya ditanam pada tanah yang kering kontang atau diletakkan di atas batu yang licin, nescaya ia tidak akan tumbuh.<sup>43</sup> Peribahasa ada mengatakan, “*Yang bulat tidak datang bergolek, yang pipih tidak datang melayang; Kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya*” dan terdapat pantun yang berbunyi,

*Berakit-rakit ke hulu,  
berenang-renang ke tepian;  
bersakit-sakit dahulu,  
bersenang-senang kemudian.*

Peribahasa dan pantun di atas mengajar manusia berusaha dan berikhtiar, bukan semata-mata menanti ketentuan mendatang. Apabila seseorang merasa dia ditakdirkan hidup susah, maka dia hendaklah mengubah haluannya dengan berusaha supaya takdir kesempitan berubah kepada kesenangan. Andainya dia tidak berusaha untuk mengubah nasibnya, maka itulah takdirnya. Sekiranya dia berusaha keras lalu berjaya menjadi seorang berjaya, maka itulah takdir yang telah ditetapkan kepadanya. Kefahaman murni terhadap persoalan ini akan melahirkan seorang modal insan Muslim yang sentiasa berusaha tanpa mengenal erti putus asa untuk mempertingkatkan mutu kerja yang sekaligus akan mengeluarkan hasil kerja yang lumayan.

<sup>43</sup> Ishak Din & Harun Din (1995), *Permasalahan Akidah Tauhid: Pegangan Setiap Muslim*, Kuala Lumpur: Darul Nu'man, h. 147. Lihat juga, Mohammad Talib (1981), *Pandangan Para Ahli Fikir Tentang Taqdir Dan Ikhtiar*, Singapura: Alharamain, h. 21. Lihat juga, al-Ghazālī, Muḥammad (1992), *Ta'ammulāt fi al-Dīn wa al-Ḥayāh*, Iskandariah: Dār al-Da'wah, h. 35-36.

## 2. *Takdir Tidak Boleh di Jadikan Alasan Untuk Melakukan Maksiat*

Selain itu, seringkali didengari, mereka yang menjadikan takdir sebagai alasan untuk melakukan maksiat. Sebagai contoh, apabila ditanya kenapa mereka melakukan perbuatan rasuah, pecah amanah, menipu dan pelbagai lagi jenayah kolar putih dalam pekerjaan mereka, mereka menjawab “kerana takdir menetapkan begitu”. Dalam hal ini, mereka yang terdiri daripada modal insan yang diharapkan negara dapat membantu membangun dan memajukan negara telah meletakkan kesalahan pada takdir Allah S.W.T., walhal al-Qur’an dan Hadith banyak menyebut bahawa pahala, dosa, balasan baik dan buruk bergantung kepada amalan seseorang. Sebagai contoh, orang yang rasuah dan pecah amanah tidak mengetahui apa yang tertulis di Luh Mahfuz. Dia hanya mengagak bahawa dia ditakdirkan melakukan jenayah kolar putih tersebut kononnya untuk memenuhi tuntutan takdir. Sebenarnya dia terlibat dengan rasuah dan pecah amanah kerana menurut hawa nafsu dan godaan syaitan semata-mata,<sup>44</sup> walaupun dia sedar perbuatan tersebut dibawah kawalannya. Alasan ini telah lama digunakan oleh kaum musyrikin sebagaimana dirakamkan perkataan mereka di dalam al-Qur’an yang bermaksud:<sup>45</sup>

*Orang-orang musyrik akan mengatakan: “Kalau Allah menghendaki tentulah kami dan datuk nenek kami tidak mempersekutukanNya (dengan sesuatu yang lain), dan tidak pula kami haramkan sesuatu apa pun.*

Ayat seterusnya mematahkan hujah yang mereka kemukakan dengan firman Allah S.W.T. yang bermaksud:<sup>46</sup>

*Katakanlah: “Adakah kamu mempunyai (sesuatu keterangan yang berdasarkan) ilmu supaya dapat kamu tunjukkan kepada kami? Tiadalah kamu menurut melainkan sangkaan semata-mata, dan kamu pula tidak lain hanyalah berdusta.”*

Al-Qur’an menempelak mereka kerana sebenarnya mereka tidak mengetahui adakah mereka ditakdirkan melakukan perbuatan syirik ataupun tidak. Adakah mereka telah cuba untuk beriman tetapi tidak berjaya?<sup>47</sup> Dalam hal ini, al-Qur’an telah menjelaskan bahawa balasan buruk yang menimpa orang musyrikin adalah kerana perbuatan jahat mereka. Jika perbuatan jahat

<sup>44</sup> Al-Ṭanṭawī (1974), *op.cit.*, h. 159-160. Lihat juga, al-Bājūrī (t.t.), *Sharḥ Jawharah al-Tawḥīd*, (Taḥqīq) al-Kaylānī, Muḥammad Adīb & Ṭaṭṭān, ‘Abd al-Karīm, t.t.p:t.p., h. 238. Lihat juga, Muhammad Ramzi Omar (1999), *Pembahagian Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah*, Selangor: Pustaka Ilmi, h. 222.

<sup>45</sup> Surah al-An`ām 6:148.

<sup>46</sup> Surah al-An`ām 6:148.

<sup>47</sup> Al-Ṭanṭawī (1974), *op.cit.*, h. 161.

yang mereka lakukan itu hasil paksaan Allah S.W.T., nescaya mereka tidak akan dihukum.<sup>48</sup> Alasan ini juga digunakan oleh seorang pencuri pada masa pemerintahan Saidina `Umar al-Khaṭṭāb r.a. untuk mengelakkan hukuman. Malang baginya kerana Saidina `Umar juga menegaskan akan memotong tangannya kerana “takdir Allah juga”.<sup>49</sup>

`Alī al-Ṭanṭāwī menjelaskan, kalaulah orang yang memberikan alasan tersebut jujur, nescaya dia akan menerima takdir dengan reda. Apa yang jelas, dia tidak reda dengan takdir kesusahan, bahkan berusaha untuk mengelakkannya. Ketika sakit, dia berusaha untuk berubat dan ketika kesempitan hidup, dia berusaha mencari wang. Pendek kata, dia berusaha mendapatkan takdir baik dan mengelakkan takdir buruk. Kenapakah seseorang itu begitu tekun berusaha menjadikan takdir sebagai alasan untuk melakukan maksiat, tetapi pada masa yang sama tidak bermujahadah untuk meninggalkan kemungkarannya? Perbuatan tersebut seolah-olah mempermainkan balasan buruk yang dijanjikan kepada mereka yang melakukan maksiat.<sup>50</sup> Tegas Ibn Taymiyyah dan Ibn Qayyim, merekalah makhluk paling keji kerana ketika melakukan ketaatan mereka menggunakan pendapat al-Qadariyyah, tetapi apabila melakukan maksiat mereka menggunakan pendapat al-Jabariyyah.<sup>51</sup> Malahan merekalah musuh Allah S.W.T.<sup>52</sup> kerana mereka menjadi hamba kepada nafsu dan syaitan, walaupun tahu tiada sesiapa yang memaksa untuk melakukan sesuatu perbuatan.

Kefahaman murni terhadap persoalan ini akan membantu seseorang modal insan Muslim menjauhkan diri dari segala maksiat, kemungkarannya dan keburukan serta sentiasa menjaga dirinya supaya berlaku amanah, jujur, bertanggungjawab, prihatin dan sebagainya yang akan melancarkan perjalanan organisasi tempat dia bekerja yang sekaligus akan menghasilkan mutu kerja dan hasil kerja yang lumayan.

---

<sup>48</sup> `Afif `Abd al-Fattah Tabbarah (1992), *Nadi Ajaran Islam*, Jil. 1, (trj) Md Akhir Haji Yaacob, Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, h 208. Lihat juga, Lihat juga al-Ṭabari (1995), *op.cit.*, h. 77-80.

<sup>49</sup> `Uthaymin, al-Shaykh Muḥammad Ṣāliḥ (1993), *Fatawā al-`Aqīdah*, Beirut: Dār al-Jayl, h. 544.

<sup>50</sup> Afif `Abd al-Fattah Tabbarah (1992), *op.cit.*, Jil. 1, h. 160

<sup>51</sup> Ibn Taymiyyah (t.t.), *op.cit.*, Jil. 8, h. 107.

<sup>52</sup> *Ibid.*, h. 201.

### 3. *Takdir Tidak Bertentangan Dengan Konsep Doa*

Qada' ialah pelaksanaan kepada qadar. Qada' ibarat sebatang panah yang sedang meluncur menuju sasaran. Walau bagaimanapun, Allah telah menjadikan doa sebagai penangkis qada' tersebut.<sup>53</sup> Sabda Rasulullah s.a.w.:

و لا يرد القضاء إلا الدعاء<sup>54</sup>

*Tiada sesuatu boleh menolak qada' kecuali doa.*

Daripada Hadith di atas, difahami bahawa qada' sedang dalam perjalanan untuk merealisasikan qadar. Belum sempat mengena sasaran, doa terlebih dahulu menghentikan perjalanannya atau menghalangnya supaya ia mengena sasaran dengan perlahan. Oleh kerana itulah terdapat doa *ma'thur* yang berbunyi:

اللهم لا نسألك رد القضاء بل نسألك اللطف فيه<sup>55</sup>

*"Ya Allah! kami tidak meminta untuk mengelak daripada qada' tetapi kami meminta kelembutan (kehalusan) padanya.*

Doa mustajab boleh menolak takdir<sup>56</sup> kerana inilah fungsi doa apabila berhadapan dengan qada'. Malangnya, masih ada manusia yang berpendapat doa tidak berfungsi apabila berhadapan dengan qadar. Menurut mereka, berdoa adalah perbuatan sia-sia. Berdoa atau tidak, yang ditakdirkan pasti berlaku. Orang yang berpendapat seperti ini elok disarankan agar mereka tidak makan ketika lapar. Mereka pasti kenyang andainya telah ditakdirkan begitu. Apabila disarankan begitu, pasti mereka marah dan membantah saranan tersebut dengan keras. Ini menunjukkan alasan mereka tidak boleh diterima. Manusia yang berakal sewajarnya pandai berusaha untuk hidup dan mengubah kehidupan dari kegagalan kepada kejayaan kerana Allah S.W.T. telah mengurniakan mereka dengan akal fikiran.<sup>57</sup> Doa juga adalah

<sup>53</sup> Al-Khāṭib (1979), *op.cit.*, h. 256.

<sup>54</sup> Al-Tirmidhī, Abū `Abd Allāh Muḥammad bin `Alī bin Ḥasan (t.t.), *Nawāḍir al-Uṣūl fī Aḥādith al-Rasūl*, Juz. 3, (Taḥqīq) `Umayrah, `Abd al-Raḥmān, Beirut: Dār al-Jayl, Bāb fī Birr al-Wālidayn, h. 232. Lihat juga, al-Mundhirī, Abū Muḥammad, `Abd al-`Azīm bin `Abd al-Qāwī (1417H.), *al-Targhīb wa al-Tarhīb*, Juz. 2, (taḥqīq) Ibrāhīm Shams al-Dīn, Beirut: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah, Kitāb al-Dhikr wa al-Du`ā', Hadith no: 2530, h. 316. Lihat juga Hadith di dalam al-Ḥākim (1990), *al-Mustadrak `alā al-Saḥīḥayn*, Juz. 1, (Taḥqīq) `Aṭā, Muṣṭafā `Abd al-Qādir, Beirut: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah, Kitāb al- Du`ā' wa al-Tasbīḥ wa al-Tahlīl wa al-Dhikr, Hadith no: 1813, h. 669.

<sup>55</sup> Al-Khāṭib (1979), *op.cit.*, h. 179.

<sup>56</sup> Ishak Din & Harun Din (1995), *op.cit.*, h. 150.

<sup>57</sup> Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (1990), *al-Da`wā al-Dawā'*, (Taḥqīq) Sulaymān, `Abd al-Ghaffār, Kaherah: Dār al-Kitāb al-Miṣrī, h. 26. Lihat juga Lutpi Ibrahim

*wasīlah* untuk mendapatkan kebaikan dan menolak keburukan.<sup>58</sup> Doa bukan semata-mata untuk mendekati diri kepada Allah. Kedudukannya dalam menolak qadar samalah dengan peranan air yang menyebabkan tumbuhnya tanaman dan api yang membakar. Allah S.W.T. telah menjadikan doa sebagai syarat untuk dikabulkan sesuatu permintaan. Ini jelas sebagaimana firmanNya yang bermaksud: “*Dan Tuhan kamu telah berfirman, “Pintalah (berdoalah) kepadaKu nescaya aku akan memperkenankannya”*”.<sup>59</sup> Ayat ini menegaskan bahawa setiap doa akan diperkenankan<sup>60</sup> kerana doa adalah sebab *`adi* yang membawa kepada kesan apabila tiada *mawāni`*.

Kefahaman murni terhadap persoalan doa ini akan menguntungkan seseorang modal insan Muslim kerana dia akan sentiasa berusaha meminta yang terbaik daripada Allah S.W.T., Pencipta dan Pemilik alam ini. Malahan inilah senjata utama yang hanya dimiliki oleh para Muslim yang beriman kepadaNya.

## KESAN BERIMAN TERHADAP QADA' DAN QADAR KEPADA MODAL INSAN

Setiap ajaran Islam memberi kesan positif kepada Muslim sama ada secara langsung atau tidak langsung. Justeru, keimanan kepada qada' dan qadar mempunyai kesan positif terhadap individu muslim sebagai modal insan. Kefahaman yang tepat terhadap qada' dan qadar akan dapat memberi kesan positif terhadap pengurusan modal insan dalam usaha meningkatkan prestasi dan kualiti modal insan di dalam perkhidmatan awam dan swasta.

---

(1981), *Masaalah Qada' dan Qadar Di Dalam Islam*, Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, h. 33-34.

<sup>58</sup> Al-Jalinad, Muḥammad al-Sayyid (t.t.), *Mushkilah al-Khayr wa al-Sharr fī Fikr al-Islāmī Uṣūluḥā Tatbīqātuhā*, Juz. 1, t.t.p: Maṭba'ah al-Taqaḍḍum, h. 170. Lihat juga Ibn Taymiyyah (t.t.), *op.cit.*, Jil. 8, h. 69-70.

<sup>59</sup> Surah Ghāfir 40:60.

<sup>60</sup> al-Jalinad (t.t.), *op.cit.*, Juz. 1, h. 170. Lihat juga, “al-Du`ā' Yaruḍḍ al-Qaḍā'?” <http://bashaer.com/islam/b10/fatawa.htm>, 2 Februari 2001. Andainya doa seseorang belum diperkenankan, kemungkinan doa tersebut belum mencukupi syarat untuk diperkenankan. Kemungkinan permintaan hamba tidak baik baginya, lalu dianugerahkan sesuatu yang lebih baik walaupun dia tidak menyukainya. Tabiat manusia yang inginkan sesuatu yang bertentangan dengan kemaslahatannya digambarkan melalui Surah al-Baqarah 2:216 yang bermaksud: *Dan boleh jadi kamu benci kepada sesuatu padahal ia baik bagi kamu, dan boleh jadi kamu suka kepada sesuatu padahal ia buruk bagi kamu. Dan (ingatlah), Allah jualah yang mengetahui (semuanya itu), sedang kamu tidak mengetahuinya (penulis).*

Dalam masyarakat berkerja, pelbagai perilaku dijelmakan oleh setiap individu. Ada yang melakukan khairat dan ada yang mengampu dan bermuka-muka untuk hidup senang. Disebabkan yakin golongan tertentu dapat menjamin kesenangan, mereka diampu walaupun dengan cara yang menyalahi syarak. Berlainan pula sikap mereka yang berkeyakinan penuh kepada Allah S.W.T. Mereka sentiasa ingat sabda Rasulullah s.a.w.:

واعلم أن الأمة لو اجتمعت على أن ينفعوك بشيء لم ينفعوك  
إلا بشيء قد كتبه الله لك ولو اجتمعوا على أن يضروك بشيء  
لم يضروك إلا بشيء قد كتبه الله عليك رفعت الأقلام وجفت  
الصحف<sup>61</sup>

*Ketahuilah, andainya seluruh manusia bersatu untuk memberi kebaikan kepada kamu, mereka tidak akan dapat memberi kabaikan tersebut kecuali dengan apa yang telah Allah tetapkan kepada kamu dan andainya seluruh manusia bersatu untuk memudaratkan kamu, mereka tidak akan dapat memudaratkan kamu kecuali dengan apa yang telah Allah tetapkan kepada kamu. Al-Qalam telah diangkat dan segala lembaran telah kering.*

Bagi mereka, manusia tidak berkuasa memberi manfaat atau mudarat.<sup>62</sup> al-Sayyid Sābiq menjelaskan, iktikad ini sudah pasti membentuk perjalanan hidup yang lurus dan konsisten. Ia membekalkan keberanian untuk menegakkan kebenaran dan menghancurkan kebatilan.<sup>63</sup> Mereka yang berkeyakinan begini tidak akan menggunakan jalan pintas yang salah, tidak bermoral dan tidak bermalu semata-mata untuk mendapat kesenangan, kenaikan pangkat, kekayaan dan sebagainya. Mereka adalah individu yang sanggup berjuang habis-habisan membentasi jenayah (kolar putih) yang berlaku dalam organisasi mereka.

<sup>61</sup> Al-Tirmidhī, Abū `Īsā Muḥammad bin `Īsā bin Sūrah (t.t.), *al-Jāmi` al-Ṣaḥīḥ wa huwa Sunan al-Tirmidhī*, Juz. 4, (Taḥqīq) al-Ḥūt, Kamāl Yūsuf, Beirut: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah, Kitāb Ṣifāt al-Qiyāmah wa al-Raqā`iq wa al-Warā`, Hadith no. 2516, h. 576. Lihat juga Ibn Ḥanbal, Imām Aḥmad bin Muḥammad (t.t.), *al-Musnad*, Jil. 4, (Taḥqīq) Shākir, Aḥmad Muḥammad, Kaherah: Maktabah al-Turāth al-Islāmī, Musnad Ibn `Abbās r.a., Hadith no. 2669, 2763, 2804, , h. 233, 270, 287.

<sup>62</sup> Zaydān, `Abd al-Karīm (1987), *Majmū`ah Buḥūth Fiqhiyyah*, Beirut: Mu`assasah al-Risālah, h. 235.

<sup>63</sup> al-Sayyid Sābiq (2000), *al-`Aqā'id al-Islāmiyyah*, Kaherah: Dār al-Faṭḥ li al-`Īlām al-`Arabī, h. 83. Lihat juga, al-Ghazālī, Muḥammad (1990), *Aqīdah al-Muslim*, Iskandariah: Dār al-Dāwah li al-Ṭab` wa al-Nashr wa al-Tawzī, h. 111.



Seseorang pekerja Muslim yang beriman kepada qada' dan qadar juga menyakini segala sesuatu adalah di bawah kekuasaan Allah S.W.T.. Justeru, segala pertolongan diminta adalah daripada Allah S.W.T. semata. Mereka tidak merasa lemah atau berputus asa. Tidak juga dapat dipermainkan syaitan dengan kata-kata '*kalaulah aku buat begitu, sudah tentu tidak jadi begini*'. Mereka sedar perkataan '*kalau*' boleh mendatangkan keraguan kepada takdir, sedangkan apa yang ditakdirkan pasti berlaku.<sup>64</sup> Malahan mereka akan berusaha untuk menjayakan apa yang dilakukan. Pada masa yang sama, mereka tidak semata-mata mengharapkan hasil usahanya kerana mereka yakin usaha yang tidak mendapat restu Allah tidak akan berjaya. Pada masa yang sama, mereka juga yakin, tidak semua usaha mendapat kejayaan. Justeru, hanya Allah tempat bergantung.<sup>65</sup>

Pergantungan kepada Allah S.W.T. terserlah pada Rasulullah s.a.w. semasa berada di dalam gua Thur ketika Baginda bersembunyi daripada kafir Quraysh yang ingin membunuh Baginda. Rasulullah tidak berharap terselamat daripada musuh melalui persembunyiannya. Apa yang Baginda sematkan ke dalam hati Saidina Abū Bakr al-Ṣiddīq r.a. ketika itu ialah perlunya pergantungan penuh kepada Allah S.W.T. setelah berusaha. Ini jelas ketika Baginda berkata kepada Saidina Abū Bakr sebagaimana yang dirakamkan di dalam al-Qur'an yang bermaksud:<sup>66</sup>

*Kalau kamu tidak menolongnya (Nabi Muhammad) maka sesungguhnya Allah telahpun menolongnya, iaitu ketika kaum kafir (di Mekah) mengeluarkannya (dari negerinya Makkah) sedang ia salah seorang dari dua (sahabat) semasa mereka berlindung di dalam gua, ketika ia berkata kepada sahabatnya: "Janganlah engkau berdukacita, sesungguhnya Allah bersama kita".*

Kepercayaan dan keyakinan bahawa hanya Allah S.W.T. sahaja tempat pergantungan akan menjadi seseorang individu memiliki integriti, tulus ikhlas, serta bersikap positif dalam pekerjaan. Setiap kerja yang dilakukan akan diusahakan sebaik mungkin, lantas kemudiannya mereka akan berserah kepada Allah S.W.T.. Kejayaan yang dicapai akan diterima dengan rasa syukur, tanpa kesombongan, dan sebaliknya kegagalan akan diterima dengan penuh keinsafan untuk berusaha lebih kuat lagi.

Beriman kepada qada' dan qadar juga mampu menjadikan setiap Muslim berusaha mencapai apa yang dihajati dan menghindari apa yang tidak diingini. Di dalam situasi ini, seseorang pekerja muslim tidak akan

---

<sup>64</sup> Zaydān (1987), *op.cit.*, h. 238.

<sup>65</sup> Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1972), *Madārij al-Sālikīn*, Jil. 1, (Taḥqīq) Muḥammad al-Muṭaṣim bi Allāh, Beirut: Dār al-Kutub al-'Arabī, h. 19.

<sup>66</sup> Surah al-Tawbah 9:40.

berpeluk tubuh menantikan takdir berlaku seperti sekujur mayat.<sup>67</sup> Kata Syeikh `Abd al-Qādir al-Jīlānī:

*Kebanyakan manusia apabila sampai ke perkarangan qada' dan qadar, mereka tidak akan memperkatakannya kecuali aku. Terbuka kepadaku suatu ruang padanya, lalu aku melawan takdir al-Haqq (Allah S.W.T.) dengan pertolongan al-Haqq kerana al-Haqq. Lelaki sebenar ialah mereka yang melawan takdir, tidak mereka yang hanya berserah kepada takdir.<sup>68</sup>*

Pekerja seperti ini juga tidak mengambil sikap negatif seperti setengah masyarakat yang terpengaruh dengan fahaman al-Jabariyyah. Menurut Za'ba, sebagai penawar apabila berlaku perkara yang tidak diinginkan, mereka berkata:

*Jangan banyak fikir memikir  
Takdir tidak dapat dimungkir  
Nasib nak miskin tentulah fakir  
Bolehkah takdir menyalahi takdir?  
Rezeki secupak sudah terbentang  
Ke mana dikejar tak dapat segantang!  
Nasib berhutang mesti berhutang  
Janji nak malang, malanglah datang!  
Ada pertemuan tentu berkahwin!  
Pertemuan habis talaklah bain!  
Sampai ajal tiadalah lain  
Mati tak sempat bersalin kain!<sup>69</sup>*

Seseorang pekerja yang beriman kepada qada' dan qadar juga akan sentiasa sedar bahawa amalan soleh adalah semata-mata anugerah Ilahi. Justeru, dia tidak merasa takabur atau ujub. Mereka sedar tanpa pertolongan Allah, ibadat dan kebajikan tidak dapat dilakukan. Mereka akan sentiasa tawaduk dan bersyukur kerana diberi hidayat dan taufik.<sup>70</sup> Mereka merasa amat memerlukan Allah S. W. T. di sepanjang hayatnya. Mereka juga mengharapkan rahmat pengampunan Allah tanpa mengharapkan hasil amalan kebajikannya, malah mereka yakin kejayaan di akhirat tidak tergantung kepada amal baik yang dilakukan. Ibn al-Qayyim berpendapat:

---

<sup>67</sup> *Ibid.*, h. 218.

<sup>68</sup> *Ibid.*, h. 217. Lihat juga Ibn Taymiyyah (1981), *al-'Ubūdiyyah*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 9. Lihat juga Ibn Taymiyyah (t.t.), *op.cit.*, Jil. 8, h. 306.

<sup>69</sup> Za'ba (1980), *Falsafah Takdir*, (ed.) Hamdan Hasan, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 68.

<sup>70</sup> Haji Abdul Malik Karim Amrullah (1971), *Pelajaran Agama Islam*, Kelantan: Pustaka Aman Press, h. 420. Lihat juga Zaydān (1987), *op.cit.*, h. 241.

*Andainya Dia mengazab makhluk di langit dan bumi, nescaya pengazaban tersebut dilakukan tanpa menzalimi mereka. Sekiranya Dia merahmati mereka, rahmatNya adalah lebih baik daripada amalan mereka....*

Beliau berdalilkan Hadith yang berbunyi:

لا يدخل أحدا منكم عمله الجنة قالوا ولا أنت يا رسول الله قال  
ولا أنا إلا أن يتغمدني الله منه بفضل ورحمة<sup>71</sup>

*Amalan soerang daripada kamu tidak boleh memasukkanya ke dalam syurga. Mereka bertanya (para sahabat), termasuk tuanhamba wahai rasulullah? Jawab beliau: Termasuk aku, kecuali sekiranya Allah melimpahkan kurniaan dan rahmat kepada aku.*

Menurutnya lagi, Hadith di atas tidak bertentangan dengan ayat dalam surah al-Nahl 16:32 "ادخلوا الجنة بما كنتم تعملون" yang bermaksud: *Masuklah syurga dengan amalan baik yang kamu kerjakan.* Ayat tersebut menafikan masuk syurga semata-mata dengan amalan. Ia juga menafikan bahawa amalan adalah bayaran atau tukaran untuk memasuki syurga.<sup>72</sup> Ini kerana menurut Ibn Taymiyyah, huruf *bā'* pada perkataan *بما* di dalam ayat tersebut adalah *bā' al-sabab* bukan *bā' al-muqābalaḥ*.<sup>73</sup> Hakikatnya, menurut Aḥmad al-Ḥusaynī, amalan baik hanyalah sebab yang tidak semestinya memberikan kesan. Hanya pengampunan, rahmat dan anugerah Allah penentu kesudahan hamba sama ada bahagia atau celaka.<sup>74</sup>

Oleh yang demikian, mereka ini tidak merasa lebih mulia daripada orang lain atau mengharapkan balasan terhadap kebaikan yang dilakukan. Tiada guna mereka bersikap ego, bongkak, takabur atau meninggi diri terhadap orang lain. Tiada guna meminta balasan daripada mereka yang termakan budinya kerana itu memang hak mereka. Perbuatannya yang tidak mengungkit, meminta balasan serta tidak sombong, ego, bongkak, takabur dan meninggi diri ini akan menjadikan mereka disenangi dan dihormati rakan sekerja yang sekaligus akan mewujudkan suasana harmoni dalam organisasi.

<sup>71</sup> Lihat, Ibn Ḥanbal (t.t.), *op.cit.*, Jil. 14, Hadith no. 7577, h. 22; Jil. 12, Hadith no. 7202, h. 192; Jil. 13, Hadith no. 7473, h. 218.

<sup>72</sup> Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1972), *op.cit.*, Jil. 1, h. 115-116.

<sup>73</sup> Ibn Taymiyyah (t.t.), *op.cit.*, Jil. 8, h. 70.

<sup>74</sup> al-Ḥusaynī, Aḥmad bin Muḥammad bin `Ajībah (1982), *Īqāz al-Humam fī Sharḥ al-Ḥikam*, Kaherah: Sharikah Maktabah wa Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādūh, h. 513; Ibn Taymiyyah (t.t.), *op.cit.*, Jil. 8, h. 70-71; Zaydān (1987), *op.cit.*, h. 241.

Seseorang pekerja yang beriman kepada qada' dan qadar tidak sekali-kali menyalahkan takdir kerana kesilapan dan kelalaian dalam sesuatu perkara.<sup>75</sup> Namun, mereka sedar tentang kesilapan tersebut, menyesali perbuatan itu dan berazam tidak akan melakukannya lagi. Mereka akan bertawajuh kepada Allah S.W.T., mengaku berdosa dan bertaubat dengan taubat nasuha.<sup>76</sup> Terdapat banyak contoh di dalam al-Qur'an menceritakan tindakan yang diambil oleh mereka yang terlanjur melakukan kesilapan atau maksiat.<sup>77</sup> Mereka tidak bersikap seperti Iblis yang menyalahkan Allah S.W.T. ketika dihalau daripada syurga. Situasi sebegini akan mewujudkan suasana aman, tenang dan harmoni dalam sesebuah organisasi kerana modal insannya adalah terdiri dari mereka yang berfikiran positif dan sentiasa berusaha ke arah kebaikan dan kejayaan.

Walaubagaimanapun, setiap pekerja Islam tidak akan terlepas daripada bala dan ujian daripada Allah S.W.T.<sup>78</sup> Firman Allah S.W.T. yang bermaksud:<sup>79</sup>

*Adakah patut kamu menyangka bahawa kamu akan masuk syurga, padahal belum sampai kepada kamu [ujian dan cubaan] seperti yang telah berlaku kepada orang-orang yang terdahulu daripada kamu? Mereka telah ditimpa kepapaan [kemusnahan hartabenda] dan serangan penyakit, serta digoncangkan [oleh ancaman bahaya musuh], sehingga berkatalah Rasul dan orang-orang yang beriman yang ada bersamanya: Bilakah [datangnya] pertolongan Allah?'' Ketahuilah sesungguhnya pertolongan Allah itu dekat [asalkan kamu bersabar dan berpegang teguh kepada agama Allah].*

<sup>75</sup> al-Bāhī al-Khawli (1987), *Tadhkirat al-Du'ah*, Kaherah: Maktabah Dār al-Turāth, h. 91.

<sup>76</sup> Zaydān (1987), *op.cit.*, h. 243.

<sup>77</sup> Lihat, Surah Āli 'Imrān, 3:135; untuk lebih detil, lihat al-Qurtubī (1372H.), *op.cit.*, Jil. 1, h. 305; Ibn Kathīr, Abū al-Fidā' al-Ḥāfiẓ al-Dimashqī (1986), *Tafsīr al-Qur'ān al-Aẓīm*, Jil. 1, (Taḥqīq) Zahrān, Ḥusayn bin Ibrāhīm, Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, h. 120-121. Lihat juga, al-Ṭabarī, Abū Ja'far Muḥammad bin Jarīr (1405H.), *Tafsīr al-Ṭabarī*, Jil. 1, Beirut: Dār al-Fikr, h. 233; al-Manṣūrī, Muṣṭafā al-Khayrī (1996), *al-Muqtataf min 'Uyūn al-Tafsīr*, Jil. 3, (Taḥqīq) al-Ṣābūnī, Muḥammad 'Alī, Kaherah: Dār al-Salam li al-Ṭibā'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī' wa al-Tarjamah, h. 366; Abū Ḥayyān al-Andalūsī, Muḥammad Yūsuf (1992), *Tafsīr al-Baḥr al-Muḥīṭ wa bi Ḥāmishih Tafsīr al-Madd Min al-Baḥr li Abī Ḥayyān Naṣīh*, *Kitāb al-Durr al-Laḳīṭ min al-Baḥr al-Muḥīṭ*, li al-Imām Tāj al-Dīn al-Ḥanaḳī al-Naḥwī, Jil. 6, Kaherah: Dār al-Kitāb al-Islāmī, h. 283; al-Burūsūwī, al-Shaykh Ismā'īl Ḥaqqī (1985), *Tafsīr Rūḥ al-Bayān*, Jil. 5, Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, h. 438.

<sup>78</sup> Abū Fāris, Muḥammad 'Abd al-Qadīr (t.t.), *al-Ibtilā' wa al-Miḥn fi al-Da'awāt*, Kaherah: Dār al-Tawzī' wa al-Nashr, h. 46-95.

<sup>79</sup> Surah al-Baqarah 2:214.

Sa'd bin Abī Waqqās r.a. (m. 55H) bertanya Rasulullah s.a.w., katanya:

يا رسول الله أي الناس أشد بلاء قال الأنبياء ثم الأمثل فالأمثل  
فيبتلى الرجل على حسب دينه فإن كان دينه صلبا اشتد بلاؤه وإن  
كان في دينه رقة ابتلي على حسب دينه فما يبرح البلاء بالعبد  
حتى يتركه يمشي على الأرض ما عليه خطيئة<sup>80</sup>

*Wahai Rasulullah, Di kalangan manusia, siapakah yang paling teruk ditimpa bala [ujian]? Jawab Baginda: Para nabi kemudian mereka yang kedudukannya di bawah nabi kemudian yang lebih bawah lagi. Diturunkan bala kepada hamba mengikut agamanya. Andainya dia teguh berpegang kepada agama maka bertambah banyaklah bala yang akan menimpanya. Andainya dia lemah dalam agama maka ditimpakan bala mengikut kedudukan agamanya. Bala akan sentiasa menimpa hamba itu sehinggalah dia berjalan di atas muka bumi tanpa menanggung dosa.*

Inilah peraturan yang Allah tetapkan. Namun begitu, musibah tidak sedikitpun menggugat keimanan seorang muslim kerana yakin takdir pasti terjadi. Firman Allah S.W.T. yang bermaksud:<sup>81</sup>

*Tidak ada kesusahan (atau bala bencana) yang menimpa (seseorang) melainkan dengan izin Allah; dan sesiapa yang beriman kepada Allah, Allah akan memimpin hatinya (untuk menerima apa yang telah berlaku itu dengan tenang dan sabar).*

Ayat di atas menceritakan keadaan seorang hamba yang ditimpa musibah lalu dia reda dan bersabar kerana mengetahui ianya datang daripada Allah.<sup>82</sup> Dalam hal ini, Ibn Ḥazm berkata, setiap muslim menyakini apa yang telah ditakdirkan kepadanya, pasti akan berlaku dan begitulah sebaliknya.<sup>83</sup> Justeru, mereka reda dan berserah kepada Allah S.W.T. dan mereka juga bersabar menghadapi musibah yang menimpa. Sabar yang dimaksudkan ialah tidak mengeluh, tidak merasa sempit, rusing, juga tidak menyalahkan takdir.<sup>84</sup> Ketika itu, layaklah dia dimasukkan ke dalam golongan yang disifatkan oleh Allah S.W.T. melalui FirmanNya, Surah al-Baqarah, 2:155-156 yang bermaksud:<sup>85</sup>

<sup>80</sup> Al-Tirmidhī (t.t.), *op.cit.*, Jil. 4, Kitāb al-Zuhd, Hadith no. 2398, h. 520.

<sup>81</sup> Surah al-Taghābun 64:11.

<sup>82</sup> Al-Qurṭubī (1372H.), *op.cit.*, Jil. 18, h. 139 al-Ṭabarī (1995), *op.cit.*, Jil. 28, h. 123.

<sup>83</sup> Ibn Ḥazm al-Andalūsī (1989), *Ilm al-Kalām `alā Madhhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā`ah*, (Taḥqīq) al-Saqā, Aḥmad Hijāzī Aḥmad, t.tp: t.p., h. 79,

<sup>84</sup> Al-Sagharjī, As'ad Muḥammad Sa'īd (1993), *Silsilah Shu'ab al-Imān al-Sabr `alā al-Masā'ib*, Jeddah: Dār al-Qiblah li al-Thaqāfah al-Islāmiyyah, , h 7.

<sup>85</sup> Surah al-Baqarah 2:155-156.

*Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan, dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar: (Iaitu) orang-orang yang apabila mereka ditimpa oleh sesuatu kesusahan, mereka berkata: "Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali."*

Dalam situasi ini, seseorang pekerja yang ditimpa musibah akan berusaha untuk mengatasinya. Kegagalan dalam projek, misalnya, akan diatasi dengan belajar daripada orang lain untuk menambahbaikkan kertas kerja yang disediakan. Andainya cadangan projek tersebut masih tidak diterima oleh pihak berkenaan, dia yakin terdapat hikmat tertentu di sebaliknya. Dia sedar dirinya adalah milik Allah S.W.T. dan Dia berhak melakukan apa sahaja terhadap diri tersebut. Baginya bersabar adalah sebaik-baik bekalan. Tiada guna berteriak tangis apa yang ditakdirkan telah terjadi. Pada masa yang sama, menyedari hakikat ini, sudah tentu setiap muslim sentiasa berjaga-jaga dalam setiap tindakan yang dilakukan, di samping menanam kukuh dalam dirinya bahawa dia tidak merasa terlepas daripada ujian dan musibah walaupun telah beriman.

Seseorang pekerja yang beriman kepada qada' dan qadar juga sentiasa merasa takut tersesat jalan atau mati dengan kesudahan yang buruk. Perasaan ini sudah tentu akan melenyapkan sifat malas atau suka bertangguh. Mereka pasti akan berusaha sedaya-upaya melakukan amalan baik dan menjauhi amalan keji. Seterusnya mereka mengharapkan hasil baik daripada usaha yang dicurahkan. Andainya usaha pertama tidak membuahkan hasil, mereka menggarapkan usaha seterusnya tanpa berputus asa.

Keimanan kepada qada' dan qadar juga sentiasa mengajar seseorang untuk memaafkan kesalahan orang lain. Mereka yakin apa yang dialami dalam kehidupannya telah ditakdirkan sejak azali, contohnya ditipu dan difitnah rakan sekerja, namun mereka dapat memaafkan kesalahan tersebut apabila sipenipu dan penfitnah memohon kemaafan. Inilah sikap Rasulullah s.a.w. sebagaimana diterangkan oleh Anas bin Mālik r.a. dengan katanya:

خدمت النبي صلى الله عليه وسلم عشر سنين فما أمرني بأمر  
فتوانيت عنه أو ضيعته فلامني فإن لامني أحد من أهل بيته إلا  
قال دعوه فلو قدر أو قال لو قضي أن يكون كان<sup>86</sup>

<sup>86</sup> Ibn Ḥanbal (t.t.), *op.cit.*, Hadith no. 13423, h. 283. Lihat juga, al-Bukhārī (t.t.), *Saḥīḥ al-Bukhārī*, Jil. 4, (Taḥqīq) al-Bughā, Muṣṭafā Dīb, Bāb Ḥusn al-Khuluq,

*Aku telah berkhidmat kepada Rasulullah s.a.w. selama sepuluh tahun. Baginda tidak sekali-kali memarahi aku seandainya aku melengah-lengahkan atau tidak melakukan apa yang Baginda suruh. Apabila ada di kalangan ahli keluarga Baginda menegurku, Baginda hanya akan berkata: "Biarkanlah dia, sesuatu yang telah ditakdirkan pasti terjadi.*

Dapatlah disimpulkan bahawa umat Islam digalakkan memberi maaf terhadap kesalahan orang lain kerana itu adalah haknya. Mereka boleh menggugurkan hak itu apabila dikehendaki. Lebih-lebih lagi apabila mereka yakin benar bahawa apa yang terjadi itu memang telah ditakdirkan. Mereka juga boleh membalas kezaliman yang dilakukan terhadapnya asalkan ia dilakukan dengan adil. Walau bagaimanapun dia tidak dibenarkan memaafkan kesalahan melanggar hukum atau tidak menyempurnakan hak Allah S.W.T.<sup>87</sup>

## KESIMPULAN

Menerusi kesan-kesan yang telah dibentangkan, dapatlah disimpulkan bahawa beriman kepada qada' dan qadar menjadikan seseorang pekerja mendapat kebaikan dan keredaan Ilahi dalam pelbagai situasi. Mereka akan bersyukur terhadap nikmat, bersabar terhadap ujian dan bertaubat terhadap kesilapan. Mereka akan sentiasa tenang kerana berfikiran positif dan optimis serta berperasangka baik terhadap Allah S.W.T. dan semua makhluk. Justeru, mereka sentiasa berusaha mencapai yang terbaik kerana berharap apa yang tertulis untuknya di Luh Mahfuz adalah kebaikan dan kebahagiaan. Matlamat hidup mereka adalah untuk mendapatkan keredaan Allah S.W.T. dengan menjadi hamba yang berakhlak mulia. Sebagai contoh, mereka akan merealisasikan kehendak yang digambarkan oleh Surah al-Furqan, 25:63-77 sebagai salah seorang daripada *ibād al-Raḥmān*.

Situasi di atas sekiranya dapat dicapai oleh seseorang individu Muslim yang berkerja dalam perkhidmatan awam mahupun swasta di negara ini akan melahirkan kecemerlangan modal insan yang diharapkan oleh kerajaan. Sekiranya individu-individu sebegini bekerja dalam sesebuah organisasi, maka suasana kerja yang sihat akan dapat diwujudkan yang seterusnya akan membawa kepada pencapaian kepuasan bekerja. Apabila pekerja-pekerja mencapai kepuasan bekerja, produktiviti kerja akan meningkat dan pada masa yang sama akan mampu pula melahirkan pekerja-pekerja yang bersahsiah cemerlang.

---

Hadith no. 5691, h. 2245.

<sup>87</sup> Untuk keterangan lanjut, sila lihat, Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1972), *op.cit.*, Jil. 1, h. 213-215.



Kesan Kefahaman Konsep Takdir Terhadap Pembangunan Modal Insan

Keperibadian mulia yang dimiliki oleh pekerja-pekerja ini, seterusnya akan dapat ditanamkan kepada ahli keluarga, masyarakat dan pemimpin-pemimpin negara. Akhirnya sejahteralah diri, masyarakat dan negara. Ketika itu akan wujudlah negeri dan negara yang digambarkan di dalam al-Qur'an melalui firman Allah S.W.T. yang bermaksud:<sup>88</sup>

*(Negeri kamu ini adalah) negeri yang baik (aman dan makmur),  
dan (Tuhan kamu adalah) Tuhan Yang Maha Pengampun.*

---

<sup>88</sup> Surah Saba' 34:25.